

TAMU  
VIP





FIGURA INI SEMEMANGNYA CUKUP LANTANG KALA BERSUARA MENGENAI HAK BERKAITAN KEPENGGUNAAN. BERPAKSIKAN ASAS PERJUANGAN MEMBELA HAK SERTA MEMARTABKAN PENGGUNA, BELIAU SENANTIASA KE HADAPAN DAN LANTANG MENGUTARAKAN PELBAGAI ISU-ISU BERBANGKIT BAIK DI MEDIA CETAK MAHUPUN ELEKTRONIK.

Memegang tampuk utama sebagai Ketua Aktivist sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang dikenali Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), semangat dan kekentalan Datuk Nadzim Johan tidak pernah luntur sejak 18 tahun bergiat aktif dalam persatuan itu bagi memperjuangkan hak-hak pengguna di Malaysia.  
Berkesempatan beremu beliau di pejabatnya yang terletak di ibu negara baru-baru ini, beliau melahirkan kebimbangan mengenai isu-isu pengguna yang dianggap semakin serius angkara sikap tamak sesetengah pihak dalam mengaut keuntungan.  
Biarpun kerajaan mahupun persatuan pengguna sering memberi ingatan namun ada kala ia ibarat mencurah air di daun keladi. Ini sedikit sebanyak berpunca daripada sikap pengguna sendiri yang katanya masih mempunyai tahap kesedaran yang rendah berhubung hak pengguna.  
Justeru menjadi tanggungjawab beliau untuk memastikan tahap kesedaran pengguna 'dicalikkan' semula biarupun proses ini memerlukan satu tempoh yang panjang.  
"Saya akui benar segala permulaan tentang pendidikan

atau kefahaman baik melibatkan isu kepenggunaan mesti diasuh dari peringkat keluarga lagi. Persoalannya, adakah mesej diuar-uarakan mencapai objektifnya? Jika tidak sampai apakah usaha yang harus dilakukan agar ia terus terlaksana?  
"Saya ambil contoh tentang tahap kepekaan pengguna terhadap aspek penjagaan kesihatan. Jikalau kita lihat kebanyakan masyarakat pada hari ini tidak ambil kisah tatacara pemakanan yang betul dan sihat.  
"Sebaliknya kita cenderung mengamalkan pemakanan tidak sihat dan terlalu banyak. Apabila mesej tidak sampai maka berlakulah kewujudan pelbagai penyakit berbahaya yang menghantui pengguna pada hari ini. Jadi tidak hairanlah tahap obesiti di kalangan masyarakat kita kini meningkat kepada 70 peratus."  
"Jika tidak mahu perkara ini berterusan, saya nasihatkan pengguna perlu berubah demi mengekalkan kesihatan. Di samping itu, perubahan yang ingin dilakukan mestilah memerlukan disiplin yang teratur. Masalahnya kini kebanyakan pengguna kita masih tidak sedar dan lemah untuk melakukan perubahan.

# Datuk Nadzim

## Rakyat Jangan Mudah Terpedaya Dengan Promosi Jualan



Seorang yang lantang dalam memperjuangkan hak kepenggunaan.

"Sudahlah tiada inisiatif untuk berubah dan ditambah pula perkhidmatan-perkhidmatan perubatan yang ada masa kini banyak melibatkan penggunaan wang ringgit. Tanpa kita sedari, wujud agenda-agenda tertentu yang menggandakan lagi keuntungan kepada pemberi perkhidmatan seperti ini.  
"Pada pandangan saya pengguna hari ini masih tidak bijak dan perlu diorientasikan semula untuk memahami konsep kepenggunaan yang betul. Selain itu, pengguna perlu dididik dengan prinsip-prinsip yang jelas. Sebagai contoh, memilih makanan yang halal dan sihat, tidak terburu-buru dalam urusan jual beli, sentiasa membuat perbandingan atau rujukan dan lain-lain lagi yang dilihat bersesuaian bagi mengelakkan sebarang kesan buruk pada masa akan datang, 'akuinya prinsip perjuangan hari ini disebabkan pengaruh atau didikan daripada ayahnya.  
Di samping itu, jelas beliau, pengguna perlu faham maksud yang dianggap sebagai hak dan tanggungjawab. Jangan tertumpu pada hak semata-mata tetapi pengguna perlu menilai di tahap mana tanggungjawab mereka sebagai manusia, agama, keluarga serta dalam kumpulan masyarakat.

### BANYAK PENIPUAN & MANIPULASI

Misi perjuangan PPIM jelas iaitu menyedarkan pengguna agar bijak dan tidak ditipu sewenang-wenangnya. Hal yang sama, ujar Datuk Nadzim, turut mengambil kira peranan pemberi-pemberi perkhidmatan agar beretika dan menawarkan perkhidmatan yang sebaik mungkin. Ia penting supaya apa yang mereka laksanakan iaitu penjualan dan pembelian dengan cara yang betul.  
Keadaan berbeza apabila hari ini kebanyakan para peniaga banyak melakukan penipuan dalam urusan niaga. Keadaan ini jelas dan sedang berlaku baik dari premis kecil hingga berstatus syarikat yang besar yang dianggarkan berjumlah ratus juta pada setiap bulan.  
"Bagi PPIM, permasalahan perlu diatasi segera dan mewujudkan satu masyarakat peniaga yang beretika. Jika usaha ini dilakukan

Consumerism - Consumer Education  
18-24-26

secara berterus tidak mustahil konteks kebergunaan dalam persekitaran Islam menjadi ikutan sampai bila-bila.

Apabila ia menjadi ikutan secara tidak langsung kita boleh menyebarkan tentang tanggungjawab dan hak masing-masing baik daripada pihak penjual mahupun pembeli telosnya.

Selain itu, beliau menyarankan kepada pengguna agar tidak menyerahkan atau mengharapkan nasib semata-mata di tangan kerajaan. Pengguna perlu celik serta bangkit supaya tidak terus tertindas daripada anasir-anasir yang suka mengambil kesempatan terhadap diri mereka. Kuasa ada di tangan pengguna semua dan jika semua bersatu tidak mustahil permasalahan-permasalahan dapat diatasi dengan jayanya.

Pada masa yang sama, tujuan PPIM ditubuhkan adalah untuk mengubah corak kehidupan khususnya kalangan pengguna Islam. Saya akui pengguna Islam masih berada ditapak lama iaitu bersifat lemah, amat jahil, kerap kali ditekan tidak pandai membela dan tidak dihormati. Atas sebab-sebab itu PPIM ingin



Program Memupuk kepedulian pada masyarakat.

diadakan oleh pelbagai premis perniagaan.

Tindakan tidak bijak ini menyebabkan pengguna lupa mereka sebenarnya telah terliut dengan promosi tersebut. Jika dikutkan situasi sebenar promosi tersebut hanyalah strateg pemasaran para pemilik premis bagi menarik minat pembeli mengunjungi kedai mereka. Pada yang sama, harga murah yang ditawarkan hanya tertumpu pada sesetengah barang sahaja dan barangan lain kemungkinan dijual pada harga yang tidak munasabah.

Jadi nasihat saya kepada para pengguna di luar sana janganlah terkeja-keja jika hendak membuat pembelian, ujar beliau lagi.

Selain promosi jualan murah, katanya, pengguna perlu sedar bahawa wujud pelbagai teknik penipuan pada hari ini. Apa yang membimbangkan, modus operandi atau teknik penipuan saat ini boleh dianggap agak dahsyat.

“Apa yang pasti, pengguna-pengguna yang pernah menjadi mangsa kebanyakan terdirir daripada pelbagai latar belakang. Bukan sahaja masyarakat di desa dan tidak berpendidikan tempias yang sama turut diadapi oleh golongan berpendidikan tinggi atau profesional,” akunya tentang sikap sebahagian pengguna yang kurang berilmu membuka ruang untuk terus terjerumus dalam kes penipuan. H



Ruang Bicara bersama perantara TV.



Bersama Menteri Kanan, tujuan sempang GST.

aksakan perjuangan bagi menentuhkan hak dan mudah dapat dikembalikan dengan bijaksana dan tidak perlu takut lagi.

Merelakan kehadiran Ramadan tidak lama lagi, beliau turut menasihatkan orang ramai khususnya umat Islam agar lebih bermurah dalam berbelanja.

Terus terang, saya katakan pengguna hari ini agak ‘anjil’. Saya amat gementan tentang situasi jualan murah yang diadakan setiap musim perayaan atau pengujung tahun. Saya doakan pengguna hari ini begitu mudah sekali terpengaruh dengan promosi/promosi jualan murah yang



Sebagai peraraman pada Seminar Teknologi Hijau dan Wawasan Keselamatan, Menteri Kanan Dalam Perkhidmatan.